

# Program bantu pesakit buah pinggang kronik kumpulan B40

Buah pinggang yang sihat menghasilkan hormon iaitu eritropoietin (EPO). Ia adalah hormon penting yang merangsang sum-sum tulang untuk menghasilkan sel darah merah.

Apabila buah pinggang berpenyakit atau rosak, ia tidak dapat menghasilkan EPO yang mencukupi.

Akibatnya, sum-sum tulang mengeluarkan hanya sedikit sel darah merah dan seterusnya boleh menyebabkan anemia. Selain itu, pesakit buah pinggang kronik (CKD) juga mendapat anemia

disebabkan kehilangan darah ketika rawatan dialisis dan kekurangan nutrien penting seperti zat besi, vitamin B12 dan asid folik.

Berdasarkan kajian pada 2018, kira-kira 50,000 pesakit menjalani dialisis di seluruh negara dan sebilangan besar daripada mereka mengalami anemia (kekurangan sel darah merah).

Menyedari perkara ini, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) menjalankan Program Bantuan Red Bean

untuk membantu pesakit buah pinggang kronik dengan anemia terutama daripada kumpulan keluarga B40.

Program dengan kerjasama Roche Malaysia berjalan sejak 1 Ogos 2019.

Pengerusi NKF, Datuk Dr Zaki Morad berkata, program ini akan mengurangkan beban kewangan pesakit anemia CKD dengan menyediakan mereka rawatan agen perangsang eritropoietin

(ESA) yang memberi isyarat kepada sum-sum tulang untuk menghasilkan lebih

untuk jalani dialisis adalah tinggi, terutama bagi mereka yang mengalami anemia ginjal. Bagi yang berpendapatan rendah sudah tentu ia sangat membebankan untuk menampung kos terabit selain perlu menyara keluarga.

“Oleh itu NKF, memberikan sokongan dan rawatan di 27 pusat di seluruh negara membabitkan 1,700 pesakit


banyak sel darah merah.

“Seperti kita ketahui pesakit buah pinggang memerlukan rawatan jangka panjang dan kos

Erythropoiesis-Stimulating Agents (ESA) pesakit dikongsi bersama antara pesakit, NKF dan Roche,” katanya.

Menurutnya, program ini sangat bertepatan dalam membantu ramai pesakit CKD yang terbeban akibat keadaan ekonomi yang semakin mencabar.

“Pesakit CKD sama ada menjalani dialisis atau sebaliknya dari pusat rawatan swasta atau awam boleh memohon Program Bantuan Red Bean melalui mana-mana pusat NKF di seluruh negara,” katanya.



DR Zaki